

Seret untuk swafoto

Tindakan pengunjung tarik jerung ke pantai cetus kemarahan

14M 30/6/2022

Rom ms. 27

Seret jerung ke pantai untuk swafoto. Adegan itu dirakam di pulau Itali selepas sekumpulan pengunjung menarik haiwan pemangsa itu keluar dari kawasan air cetek untuk bergambar.

Insiden mengejutkan itu dirakamkan di sepanjang pantai Fontanamare di bandar Gonnesa di Pulau Sardinia, Itali minggu lalu, lanjut Daily Star.

Dipercayai, ikan malang itu ialah jerung biru, spesies yang dianggap kebanyakannya tidak berbahaya kepada manusia.

Jerung itu akhirnya ditolak semula ke laut selepas beberapa pengunjung pantai menyelar mereka yang terbabit dengan aktiviti itu.

Rakaman itu mencetuskan kemarahan di media sosial, dengan ramai yang menuduh kumpulan itu mengheret jerung itu ke pantai untuk bergambar dengannya.

Bagaimanapun, seorang saksi mendakwa pengunjung pantai sebenarnya menyelamatkan nyawa jerung itu.

"Saya ada di sana. Jerung itu 'mendarat' sendiri beberapa kali. Akhirnya, ia boleh dibawa ke tempat selamat terima kasih kepada



PENGUNJUNG mengerumuni jerung dan mengambil gambar di pantai Fontanamare, Itali.

orang pintar di sana," katanya.

Aktivis hak asasi haiwan Enrico Rizzi mengupah sebuah firma guaman untuk meneliti perkara itu, menurut media tempatan.

"Dalam rakaman itu, beberapa perenang kelihatan di dalam laut. Ada yang

berniat untuk menyeret seekor jerung kecil keluar dari air.

"Haiwan itu kelihatan sangat menderita, sehingga menimbulkan kemarahan beberapa pengunjung pantai lain yang hadir. Orang lain meminta mereka yang menyeretnya keluar dari air

untuk mengembalikannya (ke laut).

"Kini, jelas bahawa keluar mereka yang menyebabkan haiwan malang itu terkeluar secara literal dari habitatnya, menyebabkannya terseksi dan menderita," kata peguam, Alessio Cugini Borgese.